

Kekasih enggan tukar agama

? Saya mencintai seorang lelaki yang amat baik pada pandangan saya. Bagaimanapun dia bukan beragama Islam. Kami saling mencintai antara satu sama lain. Walaupun dia amat mencintai saya, apa yang pasti ialah dia tidak mahu menukar agama.

Dia memberi alasan akan kehilangan keluarga terutama ibu bapanya kerana mereka tidak merestui perhubungan kami. Apa yang merisaukannya ialah dia anak sulung dan anak tunggal lelaki dalam keluarganya. Saya sering memberitahu mengenai keistimewaan Islam. Pelbagai usaha saya lakukan seperti menghadiah padanya buku solat, tapi saya tidak tahu adakah hati dia benar-benar bersedia menerima Islam. Dia sering kata dia sudah bersedia, tetapi bila saya suruh tukar agama ke agama Islam, dia takut.

Saya semakin buntu. Saya mencintainya namun tidak sanggup menggaikannya kerana rasa sayang padanya.

**DIPERSIMPANGAN
DILEMA,
Melaka**

! Jelas sekali, adik menghadapi tekanan dan konflik antara tuntutan emosi dengan agama. Jawapan kepada permasalahan adik sangat jelas. Jika kekasih adik ingin berkahwin dengan adik, dia perlu memeluk agama Islam terlebih dulu. Ketakutan kekasih

adik untuk bertukar agama kerana tidak mahu kehilangan keluarga dan ibu bapanya adalah petunjuk bahawa dia belum bersedia untuk menjadi seorang Muslim.

Kesan kepada ketidaksihan kekasih

untuk menukar agamanya ke agama Islam ialah adik perlu bersedia untuk

menghadapi kesan perpisahan dari sudut emosi.

Memutuskan hubungan dan melupakan seseorang memang sukar. Ia menuntut kesediaan emosi dan psikologi yang tinggi. Jelasnya, adik perlu lalui ini semua dengan perasaan yang tenang dan kuatkan semangat. Secara realitinya untuk melupai se-

FAKTA
Sesuai perhubungan yang konflik jika diteruskan akan lebih berbelit-belit kesudahannya

seorang yang sudah terjalin hubungan emosi sukar dilupakan.

Sesuai perhubungan yang konflik jika diteruskan akan lebih berbelit-belit kesudahannya. Jika perhubungan adik itu tanpa ada kesudahan yang dibenarkan dalam agama, ia akan lebih menyulitkan pada masa-masa akan datang. Semakin lama masa yang perlu diambil kekasih adik untuk membuat keputusan sama ada mahu menukar agamanya ke agama Islam atau tidak, semakin meletakkan perhubungan adik dengan dia dalam situasi sukar.

Semakin lama jalinan jiwa, rasa dan emosi bertaut antara adik dengan kekasih adik itu, semakin menyulitkan keadaan. Mintalah kekasih adik membuat keputusan segera. Apapun keputusannya, adik perlu bersedia menghadapinya.

Semanis mana pun hubungan adik berdua, batasan antara perkara yang boleh dan dilarang dalam agama Islam dalam sesuatu perhubungan itu perlu wujud. Dr sentiasa mendoakan adik tenang dalam menghadapi situasi sebegini dan mengharapkan yang terbaik untuk adik.



Seminggu sekali mesti gaduh

? Saya berumur pertengahan 20-an dan seorang mahasiswa di salah sebuah institusi pengajian tinggi awam. Saya mempunyai seorang teman lelaki sebaya. Dia sudah bekerja dan kami juga sudah lama bercinta.

Kami merancang akan berkahwin selepas saya tamat belajar. Walaupun kami saling menyayangi, kami sentiasa

bergaduh dan boleh dikatakan seminggu sekali

kami akan melakukannya. Apatah lagi kami sensitif orangnya. Apabila kekasih merajuk, saya akan berusaha seda-

ya upaya untuk memujuknya. Keadaan berbeza bagi dia. Dia tidak pernah mahu memujuk. Saya tertekan apabila keadaan ini berterusan.

Dan saya juga takut keadaan ini akan menyebabkan pelajar-

ran terganggu. Saya benci apabila dihimpit emosi terluka. Apakah yang perlu saya lakukan? Adakah kami pasangan kekasih serasi atau perlu memutuskan perhubungan kerana perkara ini?

**YANG BUNTU,
Perak**

! Percintaan adik banyak dugaan. Cara dan personaliti yang berbeza mewarnai perhubungan cinta adik berdua. Personaliti kekasih adik yang tidak pandai memujuk mungkin dipengaruhi banyak faktor seperti corak didikan, sifat diri dan persekitaran budaya. Menginginkan perubahan kekasih bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan.

Seorang kekasih yang tidak pandai memujuk tidak bermakna dia bukan seorang kekasih yang baik. Begitulah sebaliknya.

ya. Kata-kata yang manis tidak semestinya menunjukkan tingkah laku yang baik.

Sememangnya manis jika adik dan kekasih dapat memenuhi keperluan pasangan. Namun memahami keinginan dan kelemahan pasangan satu arah lain untuk meneruskan perhubungan yang positif. Seterusnya, menerima seadanya diri dan pasangan adalah antara jalan terbaik dalam menjaga dan menyemarakkan perhubungan.

Seeloknya adik berdua berbincang mengenai apa yang digemari dan tidak oleh diri dan pasangan. Banyak cara yang boleh dicari untuk mengatasi masalah yang wujud. Sekiranya adik atau kekasih tidak dapat berubah disebabkan faktor personaliti dan sikap atas perkara-perkara membabitkan emosi, terimalah perkara ini seadanya. Janganlah memujuk dalam keadaan terpaksa. Kesannya merasa sakit hati kerana terpaksa melakukannya. Apa yang penting ialah melakukannya secara ikhlas.

